



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. 7 ()
Tarikh : 01 JUN 2017

SIARAN MEDIA

LAKSAMANA MARITIM DATO' INDERA ZULKIFILI BIN ABU BAKAR DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH

KUALA LUMPUR, 5 JUN 2017 - Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Maritim Malaysia yang baharu, hari ini dipakaikan pangkat Laksamana Maritim yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Dr Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam satu majlis pemakaian pangkat di pejabat YB Menteri, PWTC. Kenaikan pangkat dan pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Maritim Malaysia berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

Perlantikan Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar sebagai Ketua Pengarah Maritim Malaysia yang ke-4 adalah bagi menggantikan Ketua Pengarah ke-3, Laksamana Maritim Dato' Sri Haji Ahmad Puzi bin Haji Ab Kahar yang telah bersara dan menamatkan kontrak perkhidmatannya pada 27 Mei yang lepas.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah, Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar telah menjawat jawatan-jawatan utama di Bahagian Operasi termasuklah jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Maritim Malaysia yang disandang beliau pada 27 Jun 2016 hingga 31 Mei 2017.

Dalam ucapannya, Laksamana Madya Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong yang memperkenankan beliau menjadi Ketua Pengarah Maritim Malaysia Ke-4 serta tidak lupa juga kepada Kerajaan Malaysia khususnya kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, YB Dato' Sri Dr Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan YBhg Ketua Setiausaha Negara kerana telah memberi sepenuh kepercayaan kepada beliau untuk menerajui Maritim Malaysia.

"Mulai saat ini maka terpikullah dibahu saya satu tanggungjawab yang amat besar lagi mencabar kerana ianya merupakan satu amanah untuk saya laksanakan demi negara dan organisasi ini," katanya.

Beliau mengajak seluruh warga Maritim Malaysia untuk berdiri teguh bersama beliau agar sama-sama berganding bahu meneruskan kesinambungan yang diwariskan oleh tiga Ketua Pengarah yang terdahulu agar Maritim Malaysia menjadi sebuah agensi yang cemerlang dalam menjaga perairan negara.

Turut menyaksikan pemakaian pangkat beliau ialah Timbalan Ketua Pengarah Logistik Maritim Malaysia, Laksamana Muda Maritim Dato' Mod Taha bin Ibrahim dan Pengarah-pengarah Cawangan serta anggota-anggota Maritim Malaysia.

Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili bin Abu Bakar telah menyertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada bulan April 2005. Beliau merupakan salah seorang ahli pasukan nukleus yang bertanggungjawab membentuk APMM dan memainkan peranan penting dalam merangka Perintah Tetap dan Prosedur Piawaian Operasi bagi agensi.

Pada tahun 1993, Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili telah menamatkan pelajaran dalam bidang undang-undang dan dianugerahkan sebagai Pelajar Cemerlang bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Teknologi Mara (UITM). Beliau kemudiannya telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1996.

Sebelum menyertai APMM, Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bermula pada tahun 1977. Beliau telah ditauliahkan sebagai pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia pada 31 Dis 1979 bersama-sama dengan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin.

Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili telah menghadiri beberapa kursus profesional tempatan dan antarabangsa. Antara kursus yang beliau hadiri adalah; **Mine**

Warfare Course di Itali pada tahun 1984 dan **International Signals Course** di United Kingdom pada tahun 1987. Beliau juga merupakan salah seorang graduan daripada kolej berprestij; **Naval War College**, Newport, Rhode Island, Amerika Syarikat pada tahun 2003 dan telah menjalani **Naval Command Course** khusus untuk pegawai-pegawai kanan tentera laut di seluruh dunia.

Semasa dalam TLDM, Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili memegang beberapa jawatan penting seperti Penasihat Undang-Undang Utama di Ibu Pejabat Tentera Laut dan bertindak sebagai **Provost Marshal** Tentera Laut. Beliau juga telah berkhidmat di atas kapal dan jawatan terakhir beliau dalam tentera laut sebelum menyertai APMM adalah sebagai Pegawai Pemerintah **Missile Frigate** KD JEBAT.

Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili juga telah mewakili APMM di arena antarabangsa dengan menyertai Mesyuarat Rasmi Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai jenayah rentas sempadan, Mesyuarat Peguam Negara Malaysia-Indonesia dan Mesyuarat Interpol. Beliau turut berpengalaman dalam mengendalikan beberapa kes berprofil tinggi dan yang paling signifikan adalah kes rampasan kapal Orkim Harmony pada tahun 2015, di mana beliau mengetuai pasukan siasatan dan rundingan untuk ekstradisi pesalahlaku dengan pihak berkuasa Vietnam dan Indonesia.

Pada tahun 2006, beliau telah berjaya menggulung **Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM)** dengan **Kepujian** di Institut Undang-undang Maritim Antarabangsa, Malta. Beliau juga telah dianugerahkan **"Anugerah Sasakawa"** untuk prestasi terbaik keseluruhan **Nippon Foundation** dalam program tersebut.

Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili pernah menjadi pensyarah sambilan subjek Undang-Undang Laut Antarabangsa (*International Law of the Sea*) di Universiti Malaysia Terengganu pada tahun 2009 serta dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Program Sarjana Muda Pengurusan Operasi Maritim di universiti yang sama. Di samping itu, beliau banyak terlibat dalam penyampaian ceramah mengenai Undang-Undang Maritim di agensi kerajaan dan institusi bertauliah; antaranya di Institut Latihan Kehakiman dan Peguam serta Majlis Peguam Malaysia.

Antara pingat serta darjah kebesaran yang telah dikurniakan kepada beliau termasuklah Kesatria Mangku Negara (K.M.N.), Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) dan Sri Indera Mahkota Pahang (S.I.M.P.). Laksamana Maritim Dato' Indera Zulkifili berkahwin dengan Datin Indera Nursiah binti Mohd Tajol Aros dan dikurniakan dengan tiga orang anak.

Di bawah kepimpinan mantan Ketua Pengarah, Laksamana Maritim Dato' Sri Haji Ahmad Puzi bin Haji Ab Kahar Bersara selama **dua tahun lapan bulan**, Maritim Malaysia telah mencapai beberapa kejayaan seperti berikut:

- 1) Operasi Mencari dan Menyelamat kapal dan kru **MT ORKIM HARMONY**.
- 2) Mengekstradisi lapan orang suspek warga Indonesia dalam kes MT Orkim Harmony dari Vietnam ke Malaysia walaupun kedua-dua negara tidak mempunyai perjanjian ekstradisi.
- 3) Mendakwa lapan suspek warga Indonesia dalam kes MT Orkim Harmony di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, Johor dan dijatuhkan hukuman pada hari yang sama kesemua suspek tiba ke Malaysia dari Vietnam.
- 4) Pengiktirafan daripada negara-negara luar semasa LIMA Langkawi 2017 berdasarkan penurunan kadar jenayah khususnya di perairan Selat Melaka yang menjadi tumpuan kapal-kapal dagang, yang mana statistik kejadian rompakan kapal dagang telah menurun sehingga sifar sejak lima tahun kebelakangan.
- 5) Menerima perolehan enam buah kapal *New Generation Patrol Craft (NGPC)* yang dibina oleh syarikat tempatan. Sebuah kapal iaitu KM Bagan Datuk telah dilancarkan pada 15 Mac 2017 dan sebuah lagi telah siap dibina.
- 6) Penerimaan dua buah kapal *Offshore Patrol Vessel (OPV)* (KM Pekan dan KM Arau) sumbangan daripada kerajaan Jepun sempena hubungan kerjasama Malaysia-Jepun yang ke-60.
- 7) Kerajaan telah meluluskan perolehan tiga buah kapal OPV yang akan dibina oleh syarikat tempatan.

- 8) Menerima Pos Maritim Batuan Tengah sebagai pos hadapan di perairan Pengerang, Johor.
- 9) Menerima dua jeti dan bangunan dari Jabatan Laut di Tg Pengelih, Johor dan Pulau Tioman, Pahang.
- 10) Mencari dan Menyelamat tiga mangsa bot karam (2 pelancong asing; Sepanyol dan China, serta seorang rakyat tempatan) di perairan Kudat, Sabah.
- 11) Mencari dan Menyelamat 23 pelancong China dalam tragedi bot katamaran yang karam di perairan Pulau Mengalum, Sabah.
- 12) Pesawat Bombardier Maritim Malaysia membantu memadam kebakaran hutan Sumatera, Indonesia.
- 13) Mewujudkan penubuhan Pasukan Simpanan Sukarelawan Maritim Malaysia di seluruh negara.

TAMAT

Sebarang penjelasan lanjut boleh hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Putrajaya
Tel: En. Adeli Hussin (0126592068)
E-Mail: adeli@mmea.gov.my